



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

Utama Arkib 2017 Petikan Akhbar Berita Harian - Syor Ubah Suai Dasar Kukuh Bumiputera Dalam Ekonomi

Berita Harian - Syor Ubah Suai Dasar Kukuh Bumiputera Dalam Ekonomi

🕒 Selasa, Apr 04 2017



Syor ubah suai dasar kukuh Bumiputera dalam ekonomi

➔ Langkah perkenal kepelbagaian
dasar dalam pengagihan projek

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@bh.com.my

Putrajaya

Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menyarankan beberapa dasar sedia ada diubah suai bagi memberi kesan lebih besar dalam memperkuatkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi negara.

Timbalan Perdana Menteri berkata, ia merangkumi cadangan supaya syarikat, termasuk milik bukan Bumiputera yang mendapat konsesi atau pembiayaan kerajaan memperkenalkan dasar kepelbagaian dalam pengagihan projek.

Ia, katanya, bagi menentukan sebahagian projek dibahagikan kepada Bumiputera menerusi agihan secara telus serta berasaskan merit menggunakan pendekatan 'bahagi dan bersaing' sedia ada.

"Syarikat boleh juga diminta mengemukakan pelan bagi meningkatkan bilangan Bumiputera dalam pengurusan kanan masing-

masing, selaras dasar kepelbagaian berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam teks ucapan dibacakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan pada majlis perasmian Makmal Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera Kedua (BETR 2.0), semalam.

Tingkat penyertaan Bumiputera

Makmal berkenaan, katanya, boleh membincangkan isu itu selain strategi menangani isu modal insan, pekerjaan dan pendapatan, keusahawanan, ekuiti korporat dan pemilikan aset bukan kewangan.

Beliau juga mahu Kementerian melihat kaedah memperluaskan lagi skop kepada bukan sahaja memberi perkhidmatan terbaik, malah meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam inisiatif mereka berasaskan prinsip BETR2.0.

Sementara itu, katanya, TERAJU menyumbang RM100.4 bilion ke-

pada ekonomi Bumiputera, termasuk RM7.16 bilion pembiayaan perniagaan dan modal insan, RM3.3 bilion bagi penciptaan nilai, RM13.82 bilion nilai pelaburan swasta Bumiputera dan RM76.07 bilion bagi peluang perniagaan.

Abdul Rahman pula pada sidang medianya, berkata walaupun agenda Bumiputera dibahaskan sekian lama, semua pihak tidak boleh menafikan ia menyumbang kepada kestabilan ekonomi, politik dan sosial di negara ini.

Katanya, agenda itu perlu dilihat dalam konteks lebih besar, iaitu memberi kestabilan ekonomi kepada Bumiputera dan akhirnya membentuk persekitaran ekonomi dan perniagaan lebih kondusif yang memanfaatkan semua pihak.

Ketua Pegawai Eksekutif TERAJU, Datuk Husni Salleh pula berkata, salah tanggapan pelbagai pihak bahawa peruntukan besar perlu untuk menjayakan BETR dan membiayai program baharu wajar dipertimbangkan.

BM



- BISNES
- AGENSI
- WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro

e-Penyertaan & Maklumbalas

Statistik & Prestasi

Pautan

Agensi

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ pro[at]treasury[dot]gov[dot]my



© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **22 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**

